

TUHAN MEMBINA DIRI-NYA DALAM KRISTUS KE DALAM KITA

Mesej Tiga

Tuhan Membina Diri-Nya dalam Kristus ke dalam Kita

Bacaan Bible: 2 Sam. 7:12-14a; 1 Kor. 3:9; Ef. 3:14-21;
Mat. 13:3-9, 19-23; Wahi 21:3, 22

I. Dua Samuel 7:12-14a menyingkapkan satu nubuat menerusi tipologi untuk menunjukkan kepada kita bahawa kita memerlukan Tuhan membina Kristus ke dalam konstitusi intrinsik kita supaya seluruh diri kita dikonstitusikan semula dengan Kristus—Mat. 16:18; Ef. 3:17:

- A. Pembinaan organik gereja sebagai Tubuh Kristus menerusi proses metabolisme rohani sebenarnya ialah perkara yang dinubuatkan Yehova kepada Daud dalam 2 Samuel 7:12-14a dengan menggunakan tamsil; hanya menerusi proses ini barulah manusia dapat ditransform menjadi anak Tuhan, dan sesuatu yang insani (benih manusia) dapat menjadi sesuatu yang divin (anak Tuhan).
- B. Untuk membolehkan pembinaan Tuhan berlangsung, kita perlu menerima, menghadam, dan mengasimilasikan Kristus yang organik dan pneumatik; Dia ialah Roh beri-hayat sebagai makanan, minuman, dan nafas rohani kita—Yoh. 6:51, 57; 7:37-39; 20:22:
 - 1. Apabila kita menikmati Kristus “sekarang” dengan makan, minum, dan menghirup-Nya, suatu proses metabolik berlaku dalam kita, dan Kristus dikonstitusikan ke dalam kita—Gal. 2:20; 2 Kor. 2:15; Flp. 1:20-21.
 - 2. Ekonomi Tuhan adalah untuk menggarapkan diri-Nya ke dalam kita supaya kita dapat mengalami proses metabolik penghadaman dan asimilasi rohani yang menghasilkan perubahan secara beransur-ansur dan secara intrinsik dalam hayat—2 Kor. 3:18.
 - 3. Proses metabolik ini ialah transformasi, dan transformasi ialah pembinaan—bd. Wahi 21:18; 4:3.

II. Percayawan yang telah dilahirukan dalam Kristus dengan hayat Tuhan ialah tanah pertanian Tuhan, ladang dalam ciptaan baru Tuhan, untuk menumbuhkan Kristus, agar bahan-bahan yang berharga dapat dihasilkan untuk pembinaan Tuhan—1 Kor. 3:9:

- A. Menurut Bible, pertumbuhan bersamaan dengan pembinaan; ini berlaku melalui benih hayat divin bertumbuh dalam kita—1 Yoh. 3:9; Kol. 2:19; Ef. 4:15-16.
- B. Efesus 3:17 mewahikan bahawa Tuhan Tritunggal telah masuk ke dalam kita untuk melakukan kerja pembinaan dengan diri-Nya sebagai elemen dan juga dengan sesuatu daripada kita sebagai bahan.
- C. Ini digambarkan oleh ibarat penyemai dalam Matius 13:
 - 1. Tuan menyemai diri-Nya sebagai benih hayat ke dalam hati manusia, iaitu tanah, agar Dia dapat bertumbuh dan hidup dalam mereka serta diekspresikan dari dalam mereka—ay. 3.
 - 2. Benih disemai ke dalam tanah agar bertumbuh dengan zat di dalam tanah; sebagai hasilnya, keluarannya ialah suatu komposisi elemen daripada benih dan juga tanah—ay. 23.
 - 3. Dalam kita terdapat zat tertentu yang dicipta Tuhan sebagai persediaan untuk Dia masuk ke dalam kita dan bertumbuh dalam kita; Tuhan mencipta roh manusia dengan mempunyai zat manusia berserta hati manusia sebagai tanah untuk benih divin bertumbuh—bd. 1 Ptr. 3:4.

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Tiga (sambungan)

4. Kadar kita bertumbuh dalam hayat bukan bergantung pada benih divin tetapi bergantung pada berapa banyak zat yang kita bekalkan kepada benih ini; semakin banyak zat yang kita bekalkan, semakin cepat benih ini bertumbuh dan menjadi subur—Mzm. 78:8; Mat. 5:3, 8:
 - a. Jika kita kekal berada dalam sukma, dalam manusia alamiah kita, maka tidak akan adanya sebarang zat yang dibekalkan untuk pertumbuhan benih divin; akan tetapi, sekiranya kita diperkuat ke dalam manusia dalaman dan memberi perhatian kepada roh serta melatih roh kita, zat akan dibekalkan dan Kristus akan berumah dalam hati kita—Ef. 3:16-17; Roma 8:6; 1 Tim. 4:7; bd. Yud. 19.
 - b. Jika kita menginginkan Tuan sebagai benih hayat bertumbuh dalam kita untuk menjadi kenikmatan kita yang penuh, kita perlu membuka diri sepenuhnya kepada Tuan dan bekerjasama dengan-Nya untuk menanggulangi hati kita secara tuntas—Mat. 13:3-9, 19-23.
5. Dari satu segi, Tuhan memperkuat kita dengan diri-Nya sebagai elemen, dan dari segi yang lain, kita membekalkan zat; menerusi kedua-dua ini Tuhan dalam Kristus melaksanakan pembinaan-Nya yang intrinsik, iaitu pembinaan rumah-Nya, dalam seluruh diri kita.

III. Doa dutus dalam Efesus 3 mewahikan bahawa untuk menggenapkan ekonomi abadi Tuhan, kita memerlukan Bapa menurut kekayaan kemuliaan-Nya, memperkuat kita dengan kudrat menerusi Roh-Nya ke dalam manusia dalaman, agar Kristus dapat membina diri-Nya ke dalam hati kita, menduduki seluruh diri kita, agar kita dapat dipenuhi sehingga menjadi segala kepenuhan Tuhan—ay. 14-19:

- A. Mengatakan bahawa kita perlu diperkuat dengan kudrat ke dalam manusia dalaman menunjukkan bahawa kita tidak berada dalam manusia dalaman, iaitu kebanyakan masanya kita hidup dalam manusia luaran—ay. 16; 1:19-22; 3:20.
- B. Kristus berhasrat untuk menduduki setiap bilik hati kita:
 1. Perkataan *berumah* ialah satu perkataan dalam bahasa Yunani, iaitu *katoikeo*; perkataan Yunani ini secara asasnya bermakna menetap di suatu tempat tinggal, menyediakan suatu tempat huni; awalan perkataan ini, *kata*, bermakna “bawah”—ay. 17a.
 2. Apabila Kristus berumah secara mendalam dalam hati kita, kita berakar dalam kasih demi ladang Tuhan dan berasas dalam kasih demi bangunan Tuhan—ay. 17b.
 3. Apabila Kristus berumah dalam hati kita, kita akan berdaya penuh untuk menanggapi-faham Kristus yang tidak terukur, yang dimensi-Nya ialah dimensi alam semesta, bersama dengan semua pekudus—ay. 18:
 - a. Pengalaman kita terhadap Kristus dalam gereja harus mempunyai tiga dimensi, seperti kubus (lebar, panjang, tinggi, dan dalam), dan tidak harus mempunyai satu dimensi, seperti satu garisan.
 - b. Dalam tabernakal dan juga bait, Tempat Maha Kudus ialah kubus—Kel. 26:2-8; 1 Raj. 6:20.
 - c. Akhirnya, Yerusalem Baru, binaan Tuhan, akan menjadi kubus abadi, yakni Tempat Maha Kudus yang berukuran dua belas ribu stadia dalam tiga dimensi—Wahi 21:16.
 4. Kristus berumah dalam hati kita membolehkan kita mengenali kasih Kristus yang melangkaui pengetahuan, agar kita dapat dipenuhi sehingga menjadi

TUHAN MEMBINA DIRI-NYA DALAM KRISTUS KE DALAM KITA

Mesej Tiga (sambungan)

segala kepenuhan Tuhan Tritunggal demi ekspresi korporat-Nya, agar Dia dimulihkan—Ef. 3:19-21; bd. Kej. 24:47, 53, 61-67.

IV. Jika kita melihat bahawa Tuhan berhasrat untuk menggarapkan diri-Nya ke dalam umat pilihan-Nya, maka matlamat kerja kita ialah meministerkan Tuhan yang membina dan dibina ke dalam orang lain agar Tuhan Tritunggal dapat membina diri-Nya ke dalam diri mereka—Ef. 3:17a:

- A. Perkara yang penting dalam kerja kita dalam pemulihan Tuan ialah meministerkan Tuhan yang membina dan dibina—Mat. 16:18; Ef. 2:21-22; 3:17a.
- B. Kita harus mempertimbangkan semula kerja yang kita lakukan untuk Tuan dan bertanya berapa banyak Kristus sebagai perjasadan Tuhan Tritunggal telah digarapkan ke dalam orang yang kita bawa kepada Tuan—Gal. 4:19; Kol. 1:28.
- C. Kita harus mengamalkan satu perkara—meministerkan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi ke dalam orang supaya Dia dapat membina diri-Nya ke dalam manusia dalaman mereka; kita perlu berdoa agar Tuan mengajar kita bekerja secara demikian—2 Kor. 13:14; 1 Kor. 3:9a, 10, 12.
- D. Apabila kita membina gereja dengan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi, sebenarnya bukan kita yang membina; sebaliknya, Tuhanlah yang membina menerusi kita, menggunakan kita sebagai sarana untuk mendisipkan dan mentransmisikan diri-Nya ke dalam orang lain—Kis. 9:15; 1 Kor. 14:4b; 2 Kor. 3:3-6.
- E. Semasa kita bekerja untuk Tuhan pada hari ini, kita harus berbahagian dalam pembinaan Tuhan, iaitu elemen divin dikonstitusikan ke dalam elemen insani, dan elemen insani dikonstitusikan ke dalam elemen divin—Yoh. 14:20; 15:4a; 1 Yoh. 4:15.
- F. Apabila elemen divin dikonstitusikan ke dalam keinsanan kita, kita menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan, dan apabila elemen insani dikonstitusikan ke dalam Tuhan, Tuhan menjadi manusia; inilah pembinaan yang diwahikan dalam Wasiat Baru—Ef. 2:21; 4:16.
- G. Dalam pemulihan Tuan, kerja kita harus merupakan sebahagian daripada konstitusi yang bersifat saling-menyalang ini:
 1. Jika kerja kita tidak berkaitan dengan konstitusi yang bersifat saling-menyalang ini, maka di mata Tuhan kerja kita umpama kayu, rumput, dan jerami—1 Kor. 3:12.
 2. Jika kerja kita ialah sebahagian daripada konstitusi yang bersifat saling-menyalang ini, maka Tuhan akan menganggap kerja kita itu emas, perak, dan batu-batu berharga yang akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru—Wahi 21:2, 10-11, 18-21.
- H. Semasa kita berusaha melaksanakan empat langkah dalam jalan yang ditetapkan Tuhan, iaitu kelahiran, pengkhasiatan, penyempurnaan, dan pembinaan, kerja kita harus berdasarkan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi; Tuhan Tritunggal sedang membina diri-Nya ke dalam umat pilihan-Nya dan membina mereka ke dalam-Nya.
- I. Jika kita meministerkan Tuhan yang membina dan dibina kepada orang lain demi pertumbuhan mereka dalam hayat divin, kita sedang membina Tubuh Kristus yang akan mengkonsumasikan Yerusalem Baru—Kol. 2:19; Ef. 4:15-16; Wahi 21:10.

V. Akhirnya, Tuhan Tritunggal dan keinsanan yang ditebus akan dibaurkan, disebatikan, dan dibina menjadi satu entiti—Yerusalem Baru—ay. 2, 10:

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Tiga (sambungan)

- A. Yerusalem Baru dibina dengan Tuhan mengkonstitusikan diri-Nya ke dalam manusia untuk menjadikan manusia sama seperti Tuhan dalam hayat, dalam sifat, dan dalam konstitusi supaya Tuhan dan manusia dapat menjadi entiti korporat—ay. 18-21.
- B. Yerusalem Baru ialah komposisi kedivinan dan keinsanan yang disebatikan serta dibaurkan bersama-sama menjadi satu entiti; semua komponen itu mempunyai hayat, sifat, dan konstitusi yang sama, dengan itu merupakan satu persona korporat—ay. 3, 22:
 - 1. “Tuhan, insan berbaur, / Saling huni bersama; / Tuhan kandungan insan, / Insan nyatakan Tuhan”—*Kidung*, #768, rangkap 9.
 - 2. Tuhan dan manusia, manusia dan Tuhan, dibina bersama-sama dan disebatikan serta dibaurkan bersama-sama; inilah konsumasi pembinaan Tuhan.
- C. Yerusalem Baru ialah konstitusi Tuhan dan manusia, manusia dan Tuhan; kedua-duanya telah dikonstitusikan menjadi satu—Wahi 22:17a; 21:3, 22:
 - 1. Inilah kedivinan diekspresikan dalam keinsanan dan keinsanan dimuliakan dalam kedivinan, dengan mempunyai kemuliaan divin terpancar secara terang-benderang dalam keinsanan—ay. 11.
 - 2. Kedua-dua ini—kedivinan dan keinsanan—menjadi tempat saling huni:
 - a. Dia yang merupakan Tuhan namun manusia huni dalam dia yang merupakan manusia namun Tuhan.
 - b. Dia yang merupakan manusia namun Tuhan huni dalam Dia yang merupakan Tuhan namun manusia.
- D. Tempat saling tinggal yang dihasilkan melalui pengkonstitusian elemen divin ke dalam elemen insani dan pengkonstitusian elemen insani ke dalam elemen divin ialah pusat dan realiti alam semesta—ay. 1-2, 22; bd. Pkh. 1:2.
- E. “Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi, menurut kegirangan kehendak-Nya dan demi hasrat tertinggi dalam ekonomi-Nya, sedang membina diri-Nya ke dalam umat pilihan-Nya dan membina umat pilihan-Nya ke dalam diri-Nya, supaya Dia memperoleh satu konstitusi dalam Kristus yang merupakan pembauran kedivinan dan keinsanan untuk menjadi organisma-Nya dan Tubuh Kristus, sebagai ekspresi-Nya yang abadi dan tempat saling tinggal bagi Tuhan yang menebus dan manusia yang ditebus. Konsumasi muktamad bagi struktur khazanah yang ajaib ini ialah Yerusalem Baru hingga keabadian”—Inskripsi pada kubur Witness Lee.